

28 "Beritahu semua kakitangan masuk ke bilik mesyuarat sebelum jam 3.00 petang nanti," pesan Datin Rohaya kepada setiausahanya.

- A Datin Rohaya meminta setiausaha dan kakitangan supaya masuk ke bilik mesyuarat sebelum jam 3.00 petang nanti.
- B Datin Rohaya berpesan kepada setiausahanya agar memberitahu semua kakitangan supaya masuk ke bilik mesyuarat sebelum jam 3.00 petang.
- C Setiausaha dan kakitangan diarah masuk ke bilik mesyuarat oleh Datin Rohaya selepas jam 3.00 petang nanti.
- D Setiausaha dan kakitangan mengajak Datin Rohaya agar masuk ke bilik mesyuarat sebelum jam 3.00 petang nanti.

Soalan 29 dan Soalan 30

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 29
- I Tempayan itu digunakan untuk menyimpan air.
 - II Bapanya ditugaskan bekerja di utara tanah air.
 - III Anida sama cantik seperti kakaknya.
 - IV Surat itu diterima dari anaknya yang bertugas di Johor.

- A I dan II sahaja.
- B II dan III sahaja.
- C II dan IV sahaja.
- D III dan IV sahaja.

- 30
- I Amboi, cantik sungguh baju kurung awak !
 - II Firdaus mendapat markah yang paling tinggi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.
 - III Kami amat tertarik dengan sikap riuh-rendah keluarga Mak Cik Temah.
 - IV Pelbagai jenis alat-alat menjahit ada dijual di kedai itu.

- A I dan II sahaja.
- B II dan III sahaja.
- C I dan IV sahaja.
- D II dan IV sahaja.